



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
JANGAN
HINA ISLAM DAN NABI
MUHAMMAD SAW



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



“JANGAN HIN AISLAM DAN NABI MUHAMMAD SAW”. 1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا ...</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَارَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya menyeru kepada diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya. Tunaikanlah segala suruhan Allah SWT dan tinggalkanlah larangan-Nya. Semoga Allah SWT meredai hidup kita, bahagia di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Sesuai yang membangkitkan kemarahan umat Islam hari ini adalah dengan sikap beberapa orang dalam masyarakat kita yang tidak peduli dengan kesucian agama Islam dan kemuliaan Baginda Nabi Muhammad SAW. Tersebar baru-baru ini bagaimana agama Islam dipersenda dengan jenaka dan komedi. Muncul pula orang Islam yang sanggup menghina Nabi terakhir, makhluk termulia, Nabi Muhammad SAW.</p>	6



<p>Tidak lama dahulu, kecoh di dunia dengan sikap Charlie Hebdo di Perancis yang bersikap kurang ajar melukis kartun menghina Nabi Muhammad SAW sehingga kejadian penembakan yang menggemparkan dunia.</p>	7
<p>Dengan mukaddimah itu, mimbar hari ini akan memperkatakan tentang "JANGAN HINA ISLAM DAN NABI MUHAMMAD SAW!".</p> <p>Hadirin Jumaat yang dihormati sekalian,</p>	8
<p>Apabila ada seseorang yang dengan terang-terang menjadikan agama sebagai komedi dengan mengolok-olok ajaran Islam, merendahkan al-Quran seolah-olah tidak ada harga baginya walaupun seorang Muslim, menganggap remeh dengan hukum-hakam Islam, secara terang-terang menghina agama Islam dengan berbagai kalimah penghinaan dan mencaci agama yang suci ini, maka ia jelas termasuk dalam jenayah penghinaan agama Islam.</p>	9
<p>Termasuklah dalam kategori ini perbuatan menghina Nabi Muhammad SAW, iaitu Nabi terakhir, Nabi umat Islam, makhluk termulia di sisi Allah SWT. Ucapan seperti menyamakan Baginda SAW dengan perumpamaan atau kata-kata yang jelek dan negatif adalah jelas sebagai penghinaan terhadap Junjungan Besar Baginda Nabi Muhammad SAW. Perbuatan jenayah ini juga adalah menyakiti umat Islam di seluruh negeri atau negara bahkan dunia!</p>	10



Allah SWT telah memberi kepada manusia peringatan tentang larangan menghina Allah dalam firman-Nya dalam surah al-Taubah ayat 12:

وَإِنْ نَكَثُوا أَيْمَانَهُمْ مِنْ بَعْدِ عَهْدِهِمْ وَطَعَنُوا فِي دِينِكُمْ فَقَاتِلُوا
أُمَّةَ الْكُفْرِ إِنَّهُمْ لَأَيْمَانَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَنْتَهُونَ ﴿١٢﴾

11

"Dan jika mereka mencabuli sumpahnya sesudah mengikat perjanjian setia dan mereka pula mencela agama kamu, maka perangilah ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kaum yang kafir itu, kerana sesungguhnya mereka tidak menghormati sumpah janjinya, supaya mereka berhenti (dari kekufuran dan bertaubat)."

12

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa jelas perbuatan menghina agama itu amat dilarang sama sekali. Bahkan akibat menghina agama itu orang tersebut diancam oleh Allah SWT untuk diperangi.

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Allah SWT berfirman dalam surah al-Taubah ayat 61:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ رَسُولَ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦١﴾

"Orang-orang yang menyakiti Rasulullah itu, bagi mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

13



Apakah ada yang masih tidak takut akan azab Allah SWT yang perih ini?

Islam bukan sahaja melarang umanya menghina agama sendiri, bahkan menghina agama lain juga amatlah dilarang. Allah SWT berfirman dalam Surah al-An'am ayat 108:

14

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ

"Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan."

15

Perbuatan menjadikan agama Islam dan Allah SWT serta Nabi Muhammad SAW sebagai bahan jenaka, komedi dan bahan olok-olok yang mempersendakan juga termasuk dalam larangan dan perlu dipandang serius oleh semua umat Islam. Bahkan termasuk juga perbuatan mempersendakan ayat-ayat suci al-Quran dan membuatkan seolah-olah ia bukan Kalam Allah yang mulia merupakan satu jenayah juga.

16

Firman Allah SWT melalui Surah al-Taubat, ayat 65:

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولَنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَعَايَاتِهِ
وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦٥﴾

17

"Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main. Katakanlah: Patutkah nama Allah dan ayat-ayat-Nya serta Rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?"

18



Ayat ini jelas menunjukkan larangan mempersenda agama yang mulia ini. Perbuatan berkomedial dengan hukum hakam Islam, ayat-ayat al-Quran yang dihafaz, serta meremehkan perintah Allah SWT adalah jelas perbuatan itu benar-benar menghina agama. Bahkan al-Imam al-Qadi Iyyadh, seorang ulama besar pada kurun ke-6 Hijrah menukilkan melalui Kitab al-Shifa bi Ta'rif Huquq al-Mustafa: "Apa-apa bentuk ucapan atau perbuatan yang terdapat cacian, merendahkan, atau mengaibkan kesucian diri Baginda Nabi Muhammad SAW atau nasabnya, agamanya, sifatnya, atau apa-apa yang berkaitan dengannya, maka perbuatan itu dapat menyebabkan pelakunya gugur iman." Maka berhati-hatilah dengan kata-kata dan perbuatan kita wahai umat Islam!

19

Justru, perbuatan durjana ini adalah termasuk dalam jenayah menurut Enakmen Jenayah Syariah Selangor tahun 1995, Seksyen 10 tentang menghina atau menyebabkan dipandang hina agama Islam, menyatakan sebagai berikut:

"Mana-mana orang yang dengan perkataan yang dapat didengar atau dibaca atau dengan lukisan, tanda atau bentuk lain gambaran yang tampak atau yang dapat dilihat atau dengan apa-apa cara lain:-

(a) menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina;
(b) mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam; atau

(c) mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negeri ini yang berhubungan dengan agama Islam,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya."

20



<p>Seksyen 9 pula menyatakan: "Mana-mana orang yang, dengan kata-katanya atau perbuatannya, mempersendakan, menghina, mencemuh atau menyebabkan dipandang hina ayat-ayat Al-Quran atau Hadis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya."</p>	21
<p>Oleh itu, perlulah kita berhati-hati dengan segala ucapan atau kalam kita agar tidak mengeluarkan apa-apa gurauan yang tidak menjaga sensitiviti agama.</p>	22
<p>Berdasarkan hukum syarak dan perundangan di Negeri Selangor ini, khatib ingin menegaskan kepada segenap rakyat Selangor, agar senantiasa menghormati hukum syarak, keputusan fatwa dan undang-undang yang diwartakan di negeri ini. Mimbar juga mengingatkan kepada segenap hadirin yang dimuliakan, agar senantiasa bertindak mengikut undang-undang.</p>	23
<p>Mengakhiri khutbah ini, marilah kita sama-sama hayati tausiah dan mengambil pengajaran untuk dijadikan pedoman. Antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Hukum menghina Islam dan Nabi Muhammad SAW dalam bentuk niat, perbuatan dan perkataan ini dihukumkan murtad dan kafir. Pelakunya hendaklah bertaubat dan mengishtiharkan taubatnya.2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa menghina Islam akan dibalas azab neraka selama-lamanya.3. Umat Islam hendaklah bersyukur di atas kurniaan nikmat yang paling besar iaitu Islam dan iman.	24



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿٥٧﴾</p>	25
<p>“Sesungguhnya orang-orang yang melakukan perkara yang tidak diredai Allah dan Rasul-Nya, Allah melaknatkan mereka di dunia dan di akhirat dan menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghina.”</p> <p>(al-Ahzab : 57).</p>	26
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.	17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	18
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21